

Siswa berjiwa sukarelawan

» USIM tubuh brigid khas dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara

Ahli BSKN USIM membantu membersihkan permaidani ketika menjalani program kemasyarakatan. (FOTO AFENDI MOHAMMAD/BH)

Oleh Khairunnisa Kamarudin
nisa.kamarudin@bh.com.my

► Nilai

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini merintis pelaksanaan kursus kokurikulum berkredit Brigid Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) bertujuan memupuk dan menerapkan semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa.

Pengarah Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) USIM, Dr Mohd Faisal Ibrahim, berkata BSKN ditubuhkan di universiti itu dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN).

Sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama menawarkan kursus kokurikulum berkredit BSKN, beliau berkata, memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak yang menzahirkan pengiktirafan JLKN, sudah dimeterai tahun lalu.

Empat semester

"Ini adalah tahun kedua kursus berkenaan ditawarkan di USIM dengan matlamat membolehkan pelajar sebagai generasi pelapis menyumbangkan khidmat sukarela kepada masyarakat dan negara secara berkesan.

"Kursus itu ditawarkan kepada bekas pelatih JLKN di universiti membabitkan tempoh empat semester sahaja. Setiap semester berkenaan mewakili satu jam kredit yang akan diberi penilaian dan diambil kira dalam pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar terbabit," katanya.

"Ini adalah tahun kedua kursus berkenaan ditawarkan di USIM dengan matlamat membolehkan pelajar sebagai generasi pelapis menyumbangkan khidmat sukarela kepada masyarakat dan negara"

Mohd Faisal Ibrahim
Pengarah Pusat Pembangunan
Kemahiran Insaniah
USIM

Tawaran tempat

Sepanjang tempoh terbabit, Mohd Faisal berkata, pelajar perlu mengikuti empat daripada modul disediakan yang merangkumi BSKN dan Kesukarelawan, Prinsip dan Semangat 1Malaysia, Kenegaraan Malaysia, Perancangan Projek Kesukarelawan, Pelaksanaan Projek Kesukarelawan, Misi Kesukarelawan Ke Luar Negara dan pelbagai lagi.

Setiap semester, beliau berkata, PPKI menawarkan 30 tempat kepada pelajar yang ingin mengambil kursus kokurikulum berkredit BSKN, tetapi jumlah itu ditingkatkan kepada 100 pada pendaftaran kemasukan baharu di USIM.



Sebahagian ahli BSKN USIM yang ceria mengikuti program dijalankan.



Antara aktiviti disertai ahli BSKN USIM.